

Kerajaan laksana dasar betul tingkat kemajuan orang Melayu

UM 27 JUN 2002

KUALA LUMPUR 21 Jun — Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, kerajaan telah melaksanakan dasar yang betul dalam meningkatkan kemajuan orang Melayu, termasuk kuota 30 peratus dalam bidang ekonomi.

Namun katanya, orang Melayu masih dengan minda yang lama sehinggalah mereka lebih senang bergantung pada hak istimewa dan subsidi yang diberikan oleh kerajaan.

Menurutnya, orang Melayu perlu mengubah budaya mereka sekiranya mereka mahu maju dan

tidak mengharapkan kepada kerajaan dalam mengejar kemajuan.

“Ia tiada kena mengena dengan polisi kerajaan, sebenarnya adalah kerana minda orang Melayu sendiri,” katanya kepada pemberita pada Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Mengulas isu pencapaian orang Melayu dalam bidang ekonomi yang masih tertinggal jauh berbanding kaum lain seperti dibangkitkan oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada perasmian semalam, Rafidah yang juga Ketua Wanita UMNO menjelaskan,

kerajaan telah melakukan segala yang diperlukan bagi membantu orang Melayu.

Ketua Pergerakan Wanita UMNO itu juga berkata, kelemahan yang wujud pada orang Melayu adalah kerana persekitaran yang diberikan kepada mereka tidak dapat membantu mengubah mereka.

Tetapi katanya, kini masa telah berubah dan orang Melayu perlu menyedari hakikat kedudukan mereka dan kerajaan juga telah mengubah polisinya supaya pergantungan Melayu terhadap kerajaan dapat dikurangkan.

“Selagi orang Melayu

kata dia mendapat projek kerana kuota 30 peratus, janganlah berasa megah, itu peruntukan ihsan namanya,” ujar beliau.

Mengenai peluang lebih besar diberikan kepada profesional, katanya, kerajaan akan melakukannya bagaimanapun tiada jaminan bahawa mereka juga boleh menjayakan hasrat meningkatkan kemajuan orang Melayu.

Katanya, golongan profesional dan bukan profesional boleh mengetuai organisasi dengan baik sekiranya mereka mempunyai nilai-nilai yang berkualiti.